

Rakyat boleh nilai sendiri kejayaan BN

BH 28 MAY 2002

TAMPIN, Isnin – Rakyat boleh menilai sendiri kejayaan pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Umno dan tidak cepat terpengaruh dengan tuduhan melulu parti pembangkang.

Ini kerana ada sesetengah pihak mendakwa Umno tidak lagi relevan di negara ini dengan menjadikan usia parti itu telah mencapai had umur persaraan, iaitu 56 tahun.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata sebagai parti politik, Umno semakin mantap apabila semakin lama memerintah.

Katanya, bertentangan dengan dakwaan pihak pembangkang bahawa Umno semakin kehilangan sokongan, keadaan sebenar ialah sambutan terhadap parti teras kerajaan BN itu semakin mantap.

"Umno tidak akan bernasib seperti dinasour yang dilanda kepupusan kerana terus mendapat sambutan daripada orang Melayu, terutama generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan sambutan ulang tahun penubuhan Umno ke-56 anjuran Umno bahagian Tampin di Dewan Majlis Daerah Tampin di sini, malam tadi.

Beliau yang juga Menteri Besar berkata, negara ini mencapai kejayaan pesat kerana kerajaan yang dipimpin

Umno berjaya mewujudkan kestabilan politik dan perpaduan rakyat.

"Banyak negara yang merdeka serentak dengan negara ini, tetapi masih mundur akibat keadaan politik yang kucar kacir.

"Ini tidak berlaku di negara ini kerana pemimpin sebelum ini dan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai wawasan dan berpandangan jauh," katanya.

Mohd Isa berkata, Malaysia dihormati negara lain kerana rakyat negara ini menyokong kuat Perdana Menteri yang mengetuai gabungan pelbagai parti yang bersatu.

Ketua Umno bahagian yang juga Ahli Parlimen Tampin, Shaziman Abu Mansor, pula berkata Umno akan terus maju dan dapat mempertahankan kerajaan yang ada kerana parti mempunyai pemimpin yang cekap dan berani menghadapi sebarang cabaran.

Pada majlis itu, acara memotong kek diadakan untuk meraikan Mohd Isa sebagai Menteri Besar selama 20 tahun. Lebih 1,000 ahli Umno bahagian ini menghadiri majlis itu.

Majlis itu diserikan dengan persembahan penyanyi 60-an, J Sham, S Jibeng, Jeffrydin, A Halim, Ahmad Jais dengan pelakon veteran, Aziz Sattar sebagai pengacara.